

TEKS UCAPAN

**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,
*REKTOR KUKUM***

**DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN PERTAMA
KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA
(KUKUM)**

**PADA 22 JULAI 2006, BERTEMPAT DI DEWAN 2020,
KANGAR, PERLIS.**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli berangkat ke Istiadat Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada hari ini. Sukacita juga patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas perkenan mengurniakan ijazah dan pelbagai anugerah kepada para graduan yang diraikan.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku benar-benar memberikan perangsang dan semangat kepada patik dan sekalian warga Universiti ini. Sesungguhnya keberangkatan Tuanku amat besar maknanya kepada para graduan serta anggota keluarga yang hadir pada hari yang bersejarah ini. Idea, keprihatinan dan sokongan yang sentiasa bertali, yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku berikan selama inilah, yang menjadi obor semangat kepada patik sekalian untuk terus berusaha dengan lebih tekun dan gigihnya dalam perjuangan mencapai visi Universiti iaitu institusi akademik dan

penyelidikan yang bertaraf dunia bagi menjana pemimpin terbilang negara.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimulihkan dan para graduan yang diraikan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis

Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji Musa Mohamad Mantan Menteri Pendidikan Malaysia selaku Graduan Kehormat

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia,

Yang Berbahagia Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Hassan Said Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor Universiti Tempatan dan wakil,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor Universiti Luar Negara dan wakil,

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-Dekan, Ketua-ketua Jabatan, Ahli-Ahli Senat Universiti,

wakil-wakil media, Dif-Dif Jemputan, Para Ibu bapa, dan Para Graduan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana hanya dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya pada hari ini, kita berpeluang meraikan para graduan dalam istiadat konvokesyen yang menjadi amalan tradisi dunia akademik di universiti. Rasa kesyukuran saya dan seluruh warga KUKUM semakin teruja dan bersemarak kerana istiadat konvokesyen ini merupakan istiadat konvokesyen pertama bagi Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia yang ditubuhkan sekitar empat tahun dahulu.

2. Wajarliah kami semua berasa amat teruja. Sejak hari pertama tertubuhnya KUKUM, kami lalui apa jua yang menduga. Putih atau berwarna, kami telan bersama. Yang berat, kami ringankan; yang muram kami ceriakan; dan yang kosong, kami penuhkan. Dalam suasana itulah sebanyak 110 orang mahasiswa pasrah datang menyerah. Pagi, mereka berkuliah di Kubang Gajah. Petang, mereka berbaris ke sesi makmal di Kuala Perlis. Dan, apabila hari sudah menghampiri senja, barulah mereka berarak pulang ke Taman Semarak. Setelah 1,460 hari, dalam istiadat yang penuh warna-warni ini maka lahirlah anak sulung kami, mahasiswa kohort pertama yang

bersama-sama membangunkan KUKUM. Walau dalam serba kekurangan, namun setiap dugaan tidak dijadikan halangan. Hari bahagia ini terimalah mereka sebagai graduan.

3. Secara keseluruhannya, Istiadat Konvokesyen ini menjadi saksi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Ijazah Sarjana Sains kepada **111** orang graduan. Graduan yang diraikan pada hari ini terdiri daripada lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang mewakili dua program sulung KUKUM, Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik), Ijazah Sarjana Sains (Mikroelektronik), Ijazah Sarjana Sains (Komputer) dan Ijazah Sarjana Sains (Bahan).

4. Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan majlis yang ditunggu-tunggu oleh para graduan, ibu bapa dan waris, serta para pensyarah dan pentadbir Universiti. Para ibu bapalah yang sewajarnya menjadi sepasang insan yang pertama menerima anugerah Allah ini kerana pengorbanan yang tidak terukur keperitannya dalam usaha membesarkan dan mendidik anak-anak sehingga berupaya sampai ke tahap ini. **(Sebagai tanda penghormatan kepada semua ibu bapa dan waris, yang bersama-sama dengan kita hari ini, saya meminta semua graduan dan mahasiswa bangun, dan seterusnya memberikan tepukan hormat kepada mereka sebagai tanda mengenang jasa dan budi)**. Sebagai bapa semua graduan di KUKUM suka saya berpesan agar apa jua yang hendak anda lakukan selepas ini,

ingatilah segala pengorbanan yang telah dicurahkan dan kenangilah segala budi dan jasa mereka yang tiada tara nilainya.

5. Sebagai tanda kasih dan sayang, saya mempersilakan semua ibu bapa dan waris mengalungkan tahniah kepada semua graduan yang berjaya melalui pelbagai liku hidup dalam proses menimba ilmu sejak tahun pertama di sekolah hingga ditamatkan di KUKUM sebagai graduan yang **diraikan**. **(Marilah ibu bapa dan para waris sekalian bersama-sama saya memberikan sekalung tepukan tahniah kepada semua graduan sulung KUKUM yang dikasihi)**. Sebagai ibu bapa mantan mahasiswa KUKUM, saya memohon agar tuan puan terus-terusan melahirkan anak yang gigih seperti graduan hebat yang diamanahkan kepada kami ini. Jika terdapat anak yang mahu menyambungkan pelajaran, diharap jasa kecil KUKUM dilupa jangan.

6. Usaha anak yang baik dan pengorbanan ibu bapa yang bertanggungjawab, jika tidak didokong oleh bakaran semangat cinta akan anak bangsa oleh para guru, pensyarah dan pentadbir universiti, barangkali tidak **terailah** anak-anak kita dalam majlis sebahagia ini. Curahan ilmu dan keprihatinan mereka jua sesungguhnya tidak terbalas dengan hanya kata-kata dan tingkah bicara. Penat lelah dan kerisauan mereka menunggu saat-saat terlahirnya pembina dan penyambung warisan bangsa, wajar ditimbangtara seberat pahala yang diharapkan ibu bapa.

7. Oleh itu, sebagai penghargaan ikhlas bersama, para ibu bapa, waris dan graduan sekalian, tepukan layak digemakan untuk semua guru, pensyarah dan pentadbir KUKUM kerana curahan ilmu, keprihatinan dan kesabaran mereka melahirkan generasi pewaris bangsa, yang bakal bergelar siswazah selepas upacara ini. **(Tuan-puan ibu bapa, waris dan graduan sekalian gemakanlah tepukan semangat penghargaan tuan-puan kepada pendidik bangsa demi mengenangi jasa mereka)**. Jika ibu bapa dikenangi kerana pengorbanan mereka, kenangilah para pendidik seluruhnya sebagai suluh penerang jalan ke syurga, insya-Allah.

Hadirin dan hadirat tetamu KUKUM yang dimuliakan.

8. Menjadi orang yang berilmu merupakan anugerah yang tiada tolok bandingnya. Bukan semua insan yang diciptakan berupaya merenangi lautan cabaran yang terbentang untuk sampai ke syurga ilmu yang tiada tepinya. Hanya golongan yang bersemangat waja dan berjiwa kental dapat mencecahkan kaki ke pantai sucinya. Oleh sebab itu, para graduan sekalian, yang menjadi pilihan antara jutaan manusia, bertanggungjawab menunjukkan bukti kepada masyarakat bahawa saudara-saudara ialah permata terpilih, yang tinggi kualiti diri dan budi; pintar memanfaatkan pengetahuan; berdaya tahan menghadapi saingan kawan dan lawan; berdaya juang dalam gelap dan terang; serta mahir menginovasi apabila diberi kepercayaan, diuji dan dipuji.

9. Sedarlah bahawa saudara-saudara adalah antara jurutera yang bakal mencorakkan pembangunan negara. Sebagai siswazah yang lahir dari rahim KUKUM, pilihlah untuk menjadi jurutera cemerlang, yang bukan calang; pilihlah untuk menjadi pembina bangsa gemilang, yang tiada galang; dan pilihlah untuk menjadi pembangun negara terbilang, yang disegani dan dihormati orang. Di tangan andalah masyarakat dan negara meletakkan harapan untuk bersaing di persada persaingan dunia.

10. Contohkanlah usaha geliga jurutera Parsi membina imej bangsa dan negara sehingga dicontohi dunia. Daripada tanah gersang yang kontang, ladang pertanian, gedung perusahaan dan rumah kediaman Isfahan berjaya dibasahi khazanah subur Sungai Zayandirud. Di tangan juruteralah, antara tangan-tangan lain yang berjasa, Parsi purba membina nama yang mengagumkan dunia. Begitu jualah hendaknya, jurutera-jurutera muda kelahiran KUKUM pada hari ini, menaburkan bakti kepada bangsa dan negara. Bukan hanya kepintaran di bilik kuliah yang dinilai orang, tetapi kebijaksanaan saudara-saudara membangunkan bangsa dan negaralah, yang akhirnya menjadi ukuran berjaya tidaknya, saudara-saudara sebagai pembina bangsa merdeka yang ternama.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

11. Dunia hari ini dirasai berputar lebih laju daripada biasa. Pergerakan kita untuk sampai ke sesuatu destinasi menjadi pantas sekelip mata. Maklumat tiba ke riba hingga tidak terkejar mata

menatapnya, dan tidak terhambat masa untuk diteroka. Sempadan geopolitik pula semakin hari, semakin hilang ertinya. Dengan warna-warni senario ini, institusi pendidikan semakin dihambat perubahan corak pengurusan masa depannya. Hari ini kerajaan sudah mula mengengahkan idea pengkorporatan universiti, yang menggesa universiti mencari pendapatan sendiri; para peniaga sudah mula berbicara tentang universiti korporat -- institusi pendidikan yang mahu ditimbang di atas neraca untung rugi dan pulangan kosnya; bijak pandai sudah mula mencetak menu ilmu *ala carte* yang menghidangkan pelbagai pengetahuan antara-disiplin melalui aktiviti pembelajaran sepanjang hayat; pendepan teknologi pula sudah mengorak langkah memayakan universiti yang tidak lagi mengutamakan infrastruktur fizikal dan lokasi dalam penyebaran ilmunya; dan banyak lagi konsep baru tentang universiti yang bakal menjadi berita dalam sedikit masa. KUKUM peka dengan perkembangan dan persaingan pendidikan global masa hadapan.

12. Untuk terus relevan dan menyumbang secara berkesan terhadap pendidikan dan penyediaan tenaga kerja yang bertaraf dunia, KUKUM tidak mahu ketinggalan dalam evolusi global dunia ilmu. Langkah-langkah proaktif, untuk menyediakan graduan yang sedia bersaing dalam persekitaran sejagat yang sangat kompleks lagi kompetitif, sedang dan akan sentiasa dilaksana dari semasa ke semasa, tanpa mengira berapa jumlah yang datang bertandang, dan mempersoalkan siapa, serta dari mana asal-usul anak didik yang diserahkan untuk dididiknya. Jika yang bertandang diumpamakan lalang, sama ada terpilih atau terbuang, akan dianyam silang-

menyilang sehingga menjadi teratak idaman, yang di dalamnya akan disemai kasih dan harapan.

13. Namun, di sebalik berpencarnya perubahan-perubahan yang tiada hentinya ini, dan dalam usaha menyahut cabaran-cabaran semasa, KUKUM tidak akan berkompromi dengan keyakinannya untuk melahirkan graduan yang memiliki sahsiah unggul atau *towering personality*, sebagaimana yang dikehendaki YAB Perdana Menteri. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pernah berkata bahawa “manusia unggul itu ialah insan yang berhemah tinggi. Ilmu pengetahuannya tinggi. Pencapaiannya tinggi. Ketokohnya tinggi. Dari segi keintelektualannya pun tinggi. Kehadirannya diketahui – orang sedar dia ada, orang hormat, orang bangun melihat dia.” Hakikatnya, inilah yang dituntut daripada universiti, dan KUKUM sebagai institusi pendidik bangsa akan terus bergerak dan berkembang di atas paksi dan landasan sakral seumpama itu yang diamanahkan kepadanya. Selari dengan usahanya mengejar perubahan semasa, penghasilan manusia berakhlak mulia dan berpotensi diketengahkan ke pasaran dunia akan terus dan wajar dipertahan selagi matahari menyinari dan bintang menerangi alamnya.

14. Dalam jalur dan lajur perkembangan dunia pendidikan dan semangat untuk memenuhi tuntutan makna pendidikan seumpama inilah KUKUM menjadi jurutera dalam pembinaan sejarah hidupnya. Pada hari ini, KUKUM berasa amat bahagia kerana berupaya menghasilkan sebanyak 40.2% graduan yang mendapat Purata Nilai

Gred Kumulatif (PNGK) 3.0 ke atas. Sementara seorang graduan berjaya melayakkan dirinya menjadi graduan Kelas Pertama. Pada hari ini KUKUM amat berbangga juga kerana hampir 50% graduan sulungnya telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR dan beberapa banyak industri lain lagi. Dalam detik-detik terakhir dua program sulung KUKUM diberi akreditasi penuh oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC), sebahagian graduan didik kita sudah pun mula bekerja. Ibu bapa sekalian usahlah sangsi, sebaik sahaja EAC menganugerahkan sijil pengakreditasi penuh bagi program-program yang ditawarkan, insya-Allah, siswazah KUKUM bakal mengisi beberapa banyak jawatan yang ditawarkan oleh sektor-sektor kerajaan pula.

Hadirin dan hadirat sekalian.

15. Selain bidang pengajaran, KUKUM memberikan tumpuan kepada aktiviti penyelidikan juga. Alhamdulillah, penyertaan sulung KUKUM di peringkat antarabangsa dalam *34th International Exhibition of Inventions, New Techniques and Products 2006*, di Geneva, Switzerland pada 5 hingga 9 April 2006, kualiti penyelidikan KUKUM telah diiktiraf dengan sebutir pingat emas bagi produk *KUKUM Artificial Marble* dan dua butir pingat perak. Meskipun acara peringkat antarabangsa itu julung-julung kali disertai, namun KUKUM sudah mula menampakkan keupayaannya. Selain itu, KUKUM turut berbangga dengan pencapaian di pertandingan ITEX 2006 yang berlansung pada 19-21 Mei 2006. Dalam pertandingan hasilan

penyelidikan itu, KUKUM memenangi 16 pingat iaitu 1 emas, 6 perak dan 9 gangsa di samping memenangi *Merit Award* dalam kategori ruang pameran terbaik.

16. Sebaris dengan kejayaan itu, KUKUM turut memenangi Anugerah Idea Terbaik dalam pertandingan Robocon 2006 yang berlangsung baru-baru ini. Tidak ketinggalan, sukacita dimaklumkan bahawa KUKUM muncul sebagai pemenang tempat ketiga dalam Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2004 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Kejayaan-kejayaan ini menjadi bukti bahawa KUKUM berupaya menembusi batas negeri dan sempadan negara, dalam usianya yang secara relatif lebih muda, tetapi duduknya sudah mula dijenguk, dan berdirinya sudah mula disegani. Saya yakin inilah antara tanda-tanda kesungguhan para pensyarah dan penyelidik KUKUM melaksana tanggungjawabnya di samping beberapa banyak tanggungjawab lain yang tidak terkira jumlahnya. Semangat dan tekad yang ditimba daripada ajaran Rasulullah (s.a.w.) yang bersabda mafhumnya: "*Bahawasanya Allah sangat suka kepada seseorang daripada kamu, yang apabila berusaha, melakukannya dengan bersungguh-sungguhnya.*" Nilai inilah yang menjadi pendorong dan pembakar semangat. Hanya dengan bajaan tekad dan pupuk kesungguhan segala usaha dapat menjamin terhasilnya buah kecemerlangan.

17. Dalam riak tawa meraikan kejayaan yang ditempa, saya berpesan agar jangan ada dalam kalangan anggota keluarga

KUKUM yang lupa kepada semua yang telah membantu merealisasikan harapan Universiti ini sejak mula ditubuhkan dahulu. Tanpa sokongan, bantuan dan galakan daripada pelbagai pihak serta individu, khususnya Kerajaan Negeri Perlis di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri (Dr.) Shahidan Kassim; Kerajaan Persekutuan melalui Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed, Menteri di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia; anggota-anggota Lembaga Pengarah Universiti di bawah bimbingan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim; ketua-ketua eksekutif dan pengarah-pengarah urusan syarikat dan industri multinasional di dalam negara; Naib-naib Canselor dan Rektor universiti di dalam dan luar negara; yang tanpa mereka besar kemungkinan KUKUM tidak berjaya mendapat kejayaan yang diraihnya kini.

Hadirin dan hadirat sekalian

18. Saya, sekali lagi, mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama menuntut di Universiti ini meskipun perjuangan hidup sebenar belum berakhir. Saya berharap saudara-saudara sekalian tidak bertangguh untuk menaburkan budi dan bakti. Dalam masa yang sama, saya amat berharap saudara-saudara tidak melupai KUKUM meskipun barangkali tidak lagi hidup bersama di kampus ini. Ingatlah bahawa status alumni yang diisytiharkan pada sidang ini dengan sendirinya menjadikan saudara-saudara tidak boleh dipisahkan daripada KUKUM. Bergabung eratlah dengannya. Gunakanlah segala peluang

yang ada untuk bersama-sama membantu membangunkan dan melastarikan KUKUM melalui Persatuan ALUMNI. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam bidang penyelidikan akan sentiasa dan amat kami elu-elukan.

19. Akhir kata, sebelum berundur, saya ingin membacakan kata-kata mutiara Dr. 'Aidh bin Abdullah Al-Qarni untuk renungan semua:

Ilmu ialah cahaya bagi hati nurani yang menghidupkan jiwa dan memacu semangat. Sesungguhnya kebahagiaan dan keceriaan itu datang bersama ilmu pengetahuan. Ilmu mampu mengubah sesuatu yang tidak jelas, menemukan sesuatu yang telah hilang dan menyingkap sesuatu yang tersembunyi. Dengan ilmu, jiwa manusia akan memperoleh pengetahuan yang baru dan selalu mengkaji pengetahuan yang lain. Sekiranya anda mengingini kebahagiaan, maka tuntutanlah ilmu, carilah ilmu pengetahuan, dan raihlah pelbagai manfaatnya, nescaya hilanglah segala kesedihan, kepedihan dan kecemasan. Betapa mulianya ilmu pengetahuan dan betapa gembiranya jiwa seseorang yang menguasainya. Betapa sejuknya dada yang disiraminya dan betapa gembira perasaan menyambut kehadirannya.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas perkenan berangkat ke istiadat konvokesyen yang sarat dengan sejarah ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat besar makna dan ertinya buat patik sekalian. Mohon patik mengundurkan diri dengan

lafaz, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
taala wabarakatuh.